

CNS5266

R GB 23-01 00201 BA421

bah

PM MINTA KERAJAAN KELANTAN HORMATI KEPUTUSAN MAHKAMAH

Mahathir - Mahkamah

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kerajaan Negeri Kelantan mematuhi keputusan Mahkamah Tinggi berhubung dengan kedudukan Anggota Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Sungai Pinang dan Limbongan.

+Itu keputusan mahkamah dan saya berpendapat kita semua harus menghormati keputusan mahkamah,+ kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas perkara itu hari ini.

Mahkamah Tinggi di sini semalam mengisytiharkan Haji Nordin Salleh dan Haji Wan Mohd Najib Wan Mohamad, yang merupakan anggota UMNO, masing-masing kekal sebagai Anggota kawasan Sungai Pinang dan Limbongan.

Hakim Datuk Haji Eusoff Chin juga memutuskan bahawa pilihan raya kecil bagi kedua-dua kawasan itu pada 24 Ogos lepas, yang dimenangi oleh calon-calon Semangat 46 Haji Mahmud Yaakub dan Haji Samat Mamat, adalah tidak sah.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, bagaimanapun, berkata beliau menunggu Keputusan Mahkamah Agung memandangkan kerajaan negeri Kelantan akan membuat rayuan kepada Mahkamah Agung.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi rakan sejawatannya dari Vietnam Encik Vo Van Kiet bagi mengucapkan selamat jalan kepada Encik Keat yang menamatkan lawatan rasminya empat hari ke Malaysia. -- Lagi.

▼23/01/13-57MST

CNS5273

R GB 23-01 00109 BA422

bah

Mahathir - Mahkamah 2 Kuala Lumpur

Mengenai cadangan-cadangan untuk memperkukuhkan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri berkata negara-negara Asean bebas untuk membuat cadangan berkenaan.

+Boleh buat cadangan (bagi menjadikan EAEC) lebih diterima tapi tidaklah sehingga ia tidak jadi EAEC lagi,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu.

Penubuhan EAEC, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri sendiri, akan dibincang dalam Sidang Kemuncak Asean di Singapura minggu depan.

Indonesia dilaporkan akan membuat beberapa cadangan pengubahsuaian kepada konsep EAEC, yang telah dipersetujui pada Mesyuarat Menteri Ekonomi ASEAN di sini tahun lepas. -- Bernama.

▼23/01/14-01MST